



# LAPORAN TAHUNAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

## ISI KANDUNGAN

### AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

| NO. TAJUK                               | MUKASURAT |
|-----------------------------------------|-----------|
| I. Maklumat Tabung                      | 7         |
| II. Prestasi Tabung                     | 8         |
| III. Laporan Pengurus                   | 11        |
| IV. Penyata Pengurus                    | 15        |
| V. Penyataan Pemegang Amanah            | 16        |
| VI. Laporan Juruaudit Bebas             | 17        |
| VII. Penyata Kewangan                   |           |
| A. Penyata Untung atau Rugi             | 20        |
| B. Penyata Pendapatan Komprehensif      | 21        |
| C. Penyata Kedudukan Kewangan           | 22        |
| D. Penyata Perubahan dalam Ekuiti       | 23        |
| E. Penyata Aliran Tunai                 | 24        |
| F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan | 25 - 54   |

### AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

| NO. TAJUK                               | MUKASURAT |
|-----------------------------------------|-----------|
| I. Maklumat Tabung                      | 55        |
| II. Prestasi Tabung                     | 56        |
| III. Laporan Pengurus                   | 59        |
| IV. Penyata Pengurus                    | 62        |
| V. Penyataan Pemegang Amanah            | 63        |
| VI. Laporan Juruaudit Bebas             | 64        |
| VII. Penyata Kewangan                   |           |
| A. Penyata Untung atau Rugi             | 67        |
| B. Penyata Pendapatan Komprehensif      | 68        |
| C. Penyata Aliran Tunai                 | 69        |
| D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan | 70 - 81   |
| VIII. Maklumat Korporat                 | 89        |



Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dan ASN dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB dan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

## **ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 50.78 mata atau -3.00% untuk ditutup pada 1,641.73 mata pada 31 Disember 2016, berbanding 1,692.51 mata yang dicatatkan pada 31 Disember 2015. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi iaitu 1,727.99 mata pada 15 April 2016, manakala paras terendah iaitu 1,600.92 mata pada 21 Januari 2016. Antara saham-saham FBM KLCI yang menunjukkan kenaikan dalam tempoh tinjauan ialah Hap Seng Consolidated Berhad (+36.73%) dan KLCC Property Stapled Group (+17.56%), manakala saham-saham yang merosot ialah Axiata Group Berhad (-26.37%) dan MISC Berhad (-21.56%).

Penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan prestasi yang bercampur-campur, dengan 3 sektor mencatatkan kenaikan manakala 6 sektor mencatatkan penurunan. Sektor pembinaan telah mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 3.00%, diikuti oleh sektor perladangan, sebanyak 1.69%, dan juga sektor kewangan, sebanyak 1.58%. Manakala bagi sektor yang merudum, sektor teknologi telah mencatatkan penurunan terbanyak iaitu -13.28%, diikuti oleh sektor pengeluaran perindustrian, sebanyak -7.27%, dan sektor perlombongan, sebanyak -6.45%.

Di rantau ASEAN, prestasi indeks FBM KLCI mencatat penurunan paling tinggi berbanding indeks utama serantau seperti Filipina (PCOMP) yang merosot sebanyak -1.60% serta Singapura (STI) pula menurun sebanyak -0.07%, manakala pasaran lain menunjukkan peningkatan seperti Thailand (SET) 19.79% dan Indonesia (JCI) 15.32% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Di rantau Asia, indeks KOSPI Korea mencatatkan prestasi tertinggi, iaitu kenaikan sebanyak 3.32%, diikuti oleh indeks Nikkei 225 di Jepun yang naik sebanyak 0.42% dan indeks Hang Seng di Hong Kong yang turut naik sebanyak 0.39%, manakala indeks Shanghai SE telah turun sebanyak -12.31%.

Secara keseluruhan, pasaran saham tempatan diselubungi keadaan persekitaran dagangan yang mencabar. Antara faktor-faktor yang memberi kesan termasuklah pengaliran

keluar dana asing yang disebabkan oleh kebimbangan terhadap keadaan ekonomi Malaysia berikutan harga minyak mentah yang kekal rendah, sentimen negatif terhadap isu dalaman negara dan kejatuhan matawang Ringgit. Manakala faktor luaran yang mempengaruhi pasaran adalah kebimbangan terhadap kelembapan negara China, ketidaktentuan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat, perubahan polisi perdagangan hasil daripada kemenangan luar jangkaan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat dan kesan dari keputusan United Kingdom (UK) untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit).

Pada tahun kewangan 2016, harga komoditi, terutamanya minyak mentah, jelas menjadi fokus utama pelabur-pelabur saham asing mahupun tempatan. Harga minyak 'Brent' mencatatkan paras terendah dalam tempoh 12 tahun, kepada USD27.88 setong pada 20 Januari 2016 berikutan lebihan bekalan akibat penarikan balik sekatan antarabangsa terhadap Iran pada 16 Januari 2016. Kejatuhan ini telah mengakibatkan pelaburan dan aktiviti dalam sektor minyak dan gas berkurangan sehingga menyebabkan para pelabur meragui prospek ekonomi negara-negara pengeksport minyak seperti Brazil dan juga Malaysia. Walaubagaimanapun, harga minyak mentah dunia telah menunjukkan pemulihan dan melonjak sebanyak 52.42% daripada USD37.28 pada 31 Disember 2015 kepada USD56.82 pada 31 Disember 2016 berikutan persetujuan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 1.2 juta tong sehari bermula Januari 2017. Pengurangan ini adalah yang pertama dalam masa lapan tahun dan telah meredakan kebimbangan berlaku lebihan bekalan minyak di pasaran.

Ringgit turut menunjukkan kelemahan berikutan kemenangan Donald Trump sebagai presiden baru Amerika Syarikat yang menimbulkan ketidakpastian terhadap polisi perdagangan dan ekonomi Amerika Syarikat serta kebimbangan kesan daripada United Kingdom untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit). Dalam tempoh tinjauan, Ringgit merosot sebanyak -4.47% untuk ditutup pada paras RM4.4862/USD pada 31 Disember 2016 dari paras RM4.2943/USD pada 31 Disember 2015. Sepanjang tahun kewangan, Ringgit telah mencatatkan paras tertinggi iaitu RM3.8668/USD pada 20 April 2016, manakala paras terendah iaitu RM4.4862/USD telah dicatatkan pada 30 Disember 2016.

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar sederhana, iaitu sebanyak 4.3% pada suku ketiga 2016 (suku kedua 2016: 4.0%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.4% (suku kedua 2016: 6.3%), di sokong oleh pertumbuhan upah serta kenaikan gaji minimum dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2016 (suku kedua 2016: 5.6%) disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan manakala kadar inflasi pula menurun kepada 1.3% untuk suku ketiga 2016 (suku kedua 2016 : 1.9%). (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM).

## **ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN DAN KADAR FAEDAH**

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 13 Julai 2016. Keputusan untuk mengurangkan OPR adalah tindakan awal untuk memastikan ekonomi terus kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Kadar OPR dikekalkan pada 3.00% sehingga berakhir tahun kewangan ASB. Susulan pengurangan Kadar Dasar Semalaman, kadar tawaran antara bank turut menurun. Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR) 3-bulan telah menyusut kepada 3.41% pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 daripada 3.81% pada 31 Disember 2015.

Pada mesyuarat MPC yang terbaru pada 23 November 2016, BNM menyatakan bahawa aktiviti ekonomi di negara-negara maju yang utama bertambah baik, namun pertumbuhan kekal pada kadar sederhana. Manakala di Asia, pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan sektor luaran yang berterusan lemah.

BNM menyatakan bahawa pada kadar semasa OPR, tahap akomodatif monetari adalah konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang mampan dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Risiko ketidakseimbangan kewangan telah dapat dibendung. Walau bagaimanapun, MPC akan terus memantau risiko ini bagi memastikan prospek pertumbuhan keseluruhan yang mampan.

Pada bulan November 2016, keputusan pilihan raya Presiden Amerika Syarikat yang telah berpihak kepada Donald Trump telah mempengaruhi sentimen pasaran kewangan global dan pasaran Malaysia secara amnya. Ini menyebabkan berlaku jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dimana kadar hasil meningkat antara 27 hingga 96 mata asas sepanjang keluk bagi sekuriti kerajaan. Secara umumnya jualan didorong oleh aliran keluar pelabur asing dari Malaysia, dengan jangkaan bahawa inflasi yang lebih tinggi di Amerika Syarikat akan mendorong kadar Rizab Persekutuan ditingkatkan dengan lebih cepat, seterusnya mengurangkan daya tarikan USD / MYR. Selaras dengan sentimen risiko semasa, kadar hasil bon korporat secara amnya turut bergerak sejajar dengan kadar hasil bon berdaulat namun dalam jajaran yang sempit. Aktiviti dalam pasaran bon korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi dan persekitaran kredit yang stabil.

## **PROSPEK EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) terbitan Oktober 2016, telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2016 pada 3.1%. Ini berikutan unjuran yang kurang

memberangsangkan bagi negara-negara maju berikutan impak geopolitik dan perkembangan ekonomi semasa yang lebih lemah daripada jangkaan. Walaubagimapun, unjuran ekonomi global untuk tahun 2017 dijangka meningkat kepada 3.4%, disokong oleh peningkatan sentimen positif terhadap negara-negara membangun dan momentum ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka akan terus beransur pulih. Keadaan ekonomi global akan terus mencabar dengan prospek pertumbuhan yang sederhana meskipun terdapat kelonggaran monetari dalam ekonomi utama yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini bagi merangsang ekonomi global. Bank of England (BOE) mengurangkan kadar bank kepada paras paling rendah yang pernah dicatat, iaitu 0.25% pada bulan Ogos 2016, berikutan keputusan England untuk keluar dari EU. Bank of Japan (BOJ) turut mengumumkan dasar monetari yang baru dalam usaha untuk mencapai sasaran inflasi sebanyak 2% secepat mungkin.

Ekonomi Eropah diunjur mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.5% pada 2017, yang disebabkan ketidaktentuan Brexit yang menjejaskan keyakinan perniagaan dan pengguna. Manakala, ekonomi Jepun pula diunjurkan berkembang pada kadar 0.6%, disokong oleh penangguhan kenaikan cukai penggunaan daripada April 2017 kepada Oktober 2019 berserta langkah fiskal dan monetari yang lain. Bagi negara-negara membangun pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 6.5% bagi tahun 2016 dan 6.3% bagi tahun 2017. Ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi India (+7.6%) yang dipacu oleh penggunaan swasta dan sektor perkhidmatan, serta negara-negara ASEAN (+5.1%) yang dipacu oleh penggunaan dan pelaburan infrastruktur. Pertumbuhan ekonomi China pula diunjurkan lebih perlahan, iaitu sebanyak 6.2% bagi 2017 dipacu oleh penggunaan domestik yang mapan dan perkembangan berterusan sektor perkhidmatan berikutan inisiatif kerajaan untuk mengimbangi semula ekonomi.

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang di antara 4.0% sehingga 5.0% bagi tahun 2017. Pertumbuhan dijangka akan disumbang oleh permintaan domestik terutamanya perbelanjaan penggunaan sektor swasta dan pelaburan swasta yang dijangka berkembang sebanyak 6.3% dan 5.8% masing-masing pada 2017. Semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menerajui pertumbuhan pada 2017. Defisit fiskal dijangka bertambah baik pada 3.0% pada 2017 berbanding 3.1% pada 2016. Pembentangan Bajet 2017 akan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan membantu golongan berpendapatan rendah. Peruntukan bagi sektor ekonomi pada 2017 akan digunakan terutamanya bagi menaik taraf prasarana fizikal, menambah baik prasarana telekomunikasi dan tenaga terutamanya di kawasan luar bandar. Sementara itu, konsensus turut menganggarkan purata harga minyak sawit mentah meningkat kepada RM2,577/mt pada 2017 berbanding anggaran purata RM2,464/mt pada 2016 berikutan pengurangan pengeluaran minyak sawit akibat kesan daripada El Nino dan peningkatan permintaan.

Untuk tahun 2017, pasaran saham tempatan dijangka akan terus mencabar. Antara faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi pasaran saham adalah kemenangan luar jangkaan presiden baru Amerika Syarikat yang menimbulkan ketidakpastian tentang dasar perdagangan Amerika Syarikat yang menimbulkan kebimbangan pelabur terhadap pertumbuhan perdagangan dan ekonomi global, dasar kewangan Amerika Syarikat yang lebih agresif, kenaikan matawang dollar Amerika Syarikat yang akan menyebabkan pengaliran keluar modal dari negara membangun, tindakan United Kingdom untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit) serta kelembapan pertumbuhan ekonomi China.

Namun begitu, pemulihan pasaran saham tempatan akan disokong oleh nilai Ringgit yang dijangka stabil dan harga minyak mentah yang dijangka akan beransur-ansur meningkat. Harga minyak mentah Brent mencatatkan purata sebanyak USD48 setong bagi tahun 2016 dan dijangka akan meningkat secara beransur-ansur kepada USD55 setong bagi tahun 2017 berikutan rancangan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 1.2 juta tong sehari bermula tahun 2017. Ini ditambah pula dengan persekitaran kadar faedah negatif di Kesatuan Eropah dan Jepun. Unjuran peningkatan pertumbuhan ekonomi ASEAN serta kerajaan China akan mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan ekonomi, mata wang dan pasaran saham negaranya dijangka turut akan membantu pemulihan pasaran saham tempatan.

BNM dijangka akan mengekalkan kadar dasar semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada kadar 3.00% sepanjang tahun 2017, sejajar dengan usaha memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia stabil. Manakala risiko inflasi adalah terkawal dengan jangkaan di antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2017. Pada kadar semasa OPR, ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang mampan dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Sementara itu, risiko ketidakseimbangan kewangan juga dapat dibendung. Walau bagaimanapun, MPC akan terus memantau risiko ini bagi memastikan prospek pertumbuhan keseluruhan yang mampan.

Walaupun pasaran mencabar, pasaran sekuriti berpendapatan tetap tempatan dijangka akan stabil dan terus didokong oleh kedua-dua pelaburan asing dan tempatan. Kadar faedah yang negatif dan pengurangan kuantitatif di sesetengah pasaran global turut menyokong kestabilan pasaran tempatan. Sokongan terhadap pasaran bon tempatan dijangka kekal berterusan berdasarkan tahap kecairan yang tinggi dan prospek hadapan yang positif kepada Malaysia hasil daripada komitmen rasionalisasi fiskal kerajaan.

## LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Nasional (ASN) yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

### I. MAKLUMAT TABUNG

#### A. KATEGORI / JENIS TABUNG

| Nama Tabung           | Kategori | Jenis Tabung |
|-----------------------|----------|--------------|
| Amanah Saham Nasional | Ekuiti   | Pertumbuhan  |

#### B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio.

#### C. PENANDA ARAS TABUNG

ASN menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 ("FBM 100") dan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan 3-bulan ("KLIBOR 3-bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

| Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai | %  |
|-----------------------------------|----|
| FBM 100                           | 80 |
| KLIBOR 3-bulan                    | 20 |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

#### D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN TABUNG

ASN akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

#### E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2016, seramai 1,244,253 individu telah menyertai ASN. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

| Saiz Pegangan         | Bilangan Pemegang Unit |               | Bilangan Unit Dilanggan |               |
|-----------------------|------------------------|---------------|-------------------------|---------------|
|                       | Bilangan               | %             | Unit                    | %             |
| 5,000 dan ke bawah    | 1,217,572              | 97.85         | 248,096,925             | 13.36         |
| 5,001 hingga 10,000   | 8,573                  | 0.69          | 60,548,307              | 3.26          |
| 10,001 hingga 50,000  | 11,693                 | 0.94          | 258,538,418             | 13.93         |
| 50,001 hingga 500,000 | 6,095                  | 0.49          | 934,362,845             | 50.33         |
| 500,001 dan ke atas   | 320                    | 0.03          | 354,986,678             | 19.12         |
| <b>JUMLAH</b>         | <b>1,244,253</b>       | <b>100.00</b> | <b>1,856,533,173</b>    | <b>100.00</b> |

## II. PRESTASI TABUNG

### A. PERUMPUKAN ASET

i) Perumpukan Aset Bagi ASN adalah seperti berikut:

| Komponen Aset<br>Dalam Portfolio                                            | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember (%) |               |               |
|-----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                                                             | 2016                                       | 2015          | 2014          |
| <b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>                                         | <b>86.17</b>                               | <b>88.98</b>  | <b>84.18</b>  |
| <b>Pelaburan di Instrumen-instrumen</b>                                     |                                            |               |               |
| <b>Lain Pasaran Modal:</b>                                                  |                                            |               |               |
| i. Sekuriti Modal bercantum                                                 | -                                          | 4.39          | 4.14          |
| ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan<br>Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga | 4.49                                       | 4.63          | 4.14          |
| iii. Pelaburan-pelaburan lain dan Aset Bersih                               | 9.34                                       | 2.00          | 7.54          |
| <b>Jumlah</b>                                                               | <b>100.00</b>                              | <b>100.00</b> | <b>100.00</b> |

ii) Perumpukan Aset Bagi ASN Mengikut Pada Nilai Pasaran  
Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

| Sektor                                                                      | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember (RM '000) |                  |                  |
|-----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|------------------|------------------|
|                                                                             | 2016                                             | 2015             | 2014             |
| <b>Pelaburan Disebut Harga:</b>                                             |                                                  |                  |                  |
| Barangan Pengguna                                                           | 14,693                                           | 28,867           | 39,044           |
| Pembinaan                                                                   | 108,868                                          | 80,262           | 58,630           |
| Barangan Industri                                                           | 64,288                                           | 33,321           | 51,594           |
| Hartanah                                                                    | 55,951                                           | 39,184           | 37,707           |
| Perladangan                                                                 | 65,390                                           | 81,241           | 83,754           |
| Perkhidmatan/Perdagangan                                                    | 446,271                                          | 454,205          | 392,762          |
| Kewangan                                                                    | 206,724                                          | 279,395          | 336,783          |
| Syarikat Projek Infrastruktur                                               | 36,067                                           | 36,728           | 67,978           |
| Teknologi                                                                   | 63,822                                           | -                | -                |
| REITs                                                                       | -                                                | 28,692           | 15,665           |
| <b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti</b>                                          | <b>1,062,073</b>                                 | <b>1,061,895</b> | <b>1,083,917</b> |
| <b>Pelaburan di Instrumen-instrumen</b>                                     |                                                  |                  |                  |
| <b>Lain Pasaran Modal:</b>                                                  |                                                  |                  |                  |
| i. Sekuriti Modal Bercantum                                                 | -                                                | 52,343           | 53,239           |
| ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan<br>Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga | 55,345                                           | 55,271           | 53,241           |
| iii. Instrumen-instrumen Lain Pelaburan<br>dan Aset Bersih                  | 115,165                                          | 24,042           | 97,100           |
| <b>Jumlah</b>                                                               | <b>1,232,583</b>                                 | <b>1,193,551</b> | <b>1,287,497</b> |

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

| Perbandingan Maklumat Kewangan                    | Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember |           |           |
|---------------------------------------------------|-------------------------------------|-----------|-----------|
|                                                   | 2016                                | 2015      | 2014      |
| <b>Sebelum Pengagihan Pendapatan:</b>             |                                     |           |           |
| NAB (RM '000)                                     | 1,325,438                           | 1,300,270 | 1,395,070 |
| NAB seunit (RM)                                   | 0.7137                              | 0.7432    | 0.8365    |
| <b>Selepas Pengagihan Pendapatan:</b>             |                                     |           |           |
| NAB (RM '000)                                     | 1,232,583                           | 1,193,551 | 1,287,497 |
| NAB seunit (RM)                                   | 0.6637                              | 0.6822    | 0.7720    |
| NAB seunit terendah (RM)                          | 0.6484                              | 0.6787    | 0.7981    |
| NAB seunit tertinggi (RM)                         | 0.7144                              | 0.8098    | 0.8977    |
| Unit Dalam Edaran ('000)                          | 1,857,100                           | 1,749,500 | 1,667,800 |
| Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)          | 5.00                                | 6.10      | 6.45      |
| Tarikh Pengagihan Pendapatan                      | 1 Januari                           | 1 Januari | 1 Januari |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>1</sup>   | 1.61                                | 1.60      | 1.5       |
| Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>2</sup> | 0.84                                | 0.67      | 0.59      |
| <b>Pulangan:</b>                                  |                                     |           |           |
| Pendapatan (%) <sup>3</sup>                       | 7.53                                | 8.94      | 8.35      |
| Modal (%) <sup>4</sup>                            | -2.71                               | -11.63    | -12.43    |
| Pulangan Tahunan <sup>5</sup>                     | 4.62                                | -3.73     | -5.11     |

Nota:

- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN yang dikembalikan dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPP daripada 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2015 adalah tidak ketara.
- 2) Nisbah Pusing Ganti Portfolio (PGP) adalah nisbah purata diantara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPPG daripada 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2015 adalah ketara disebabkan peningkatan aktiviti pembelian dan penjualan portfolio ekuiti sepanjang tempoh kewangan.

3. Pulangan Pendapatan (Yield) :

$$\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$$

4. Pulangan Modal :

$$\left[ \left\{ \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun}} \right\} - 1 \right] \times 100$$

5. Pulangan Tahunan :

$$\left[ \left\{ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) \right\} - 1 \right] \times 100$$

C. JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN adalah seperti berikut:

|                               | Pada<br>31 Disember 2016 |         |         |
|-------------------------------|--------------------------|---------|---------|
|                               | 1 Tahun                  | 3 Tahun | 5 Tahun |
| Jumlah Pulangan Tahunan (%)   | 4.62                     | -1.50   | 3.47    |
| Penanda Aras (%) <sup>1</sup> | -1.23                    | -2.34   | 2.07    |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

= [((1+r<sub>1</sub>) (1+r<sub>2</sub>).....(1+r<sub>n</sub>))<sup>1/n</sup> - 1] x 100

Di mana     r = pulangan tahunan            n = bilangan tahun

D. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG ASN DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi pulangan bagi ASN berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

|                               | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember |       |       |       |       |
|-------------------------------|----------------------------------------|-------|-------|-------|-------|
|                               | 2016                                   | 2015  | 2014  | 2013  | 2012  |
| Pulangan Tahunan (%)          | 4.62                                   | -3.73 | -5.11 | 11.36 | 11.42 |
| Penanda Aras (%) <sup>1</sup> | -1.23                                  | -1.51 | -4.26 | 9.77  | 8.34  |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd

Nota:

- 1. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras cipta-suai yang terbaru.



Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar dan harga unit mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## E. ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN telah mencatatkan kenaikan NAB sebanyak 3.27% kepada RM1.23 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, berbanding RM1.19 bilion bagi tahun sebelumnya. NAB seunit pula mencatatkan penurunan sebanyak 2.71% daripada RM0.6822 kepada RM0.6637.

## F. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, ASN telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit.

|                                                         | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember (RM Juta) |               |               |
|---------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                                         | 2016                                             | 2015          | 2014          |
| Dividen kasar saham disebut harga                       | 33.52                                            | 35.47         | 39.15         |
| Keuntungan bersih ternyata<br>daripada jualan pelaburan | 48.96                                            | 76.19         | 90.87         |
| Pendapatan-pendapatan lain                              | 8.37                                             | 11.20         | 10.59         |
| <b>Jumlah Pendapatan</b>                                | <b>90.85</b>                                     | <b>122.86</b> | <b>140.61</b> |

NAB seunit sebelum pengagihan pendapatan ialah RM 0.7137 berbanding RM 0.6637 selepas pengagihan pendapatan.

## G. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG

Tiada perubahan ketara sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

## H. SITUASI YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## I. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

## III. LAPORAN PENGURUS

### A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG ASN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, prestasi ASN adalah selaras dengan objektif tabung dimana ASN telah berupaya menjana pulangan pendapatan dan jumlah pulangan yang selaras dengan penanda arasnya.

## **B. POLISI PELABURAN**

Polisi pelaburan ASN adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya sekuriti, saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta instrument-instrumen lain pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASN, Walaubagaimanpun, ASN boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung ASN juga telah dibenarkan untuk melabur di dalam pelaburan asing sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan matawang disamping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, seperti yang terkandung di dalam Prospektus Induk bertarikh 30 Jun 2016, polisi pelaburan ASN telah dipinda bagi membenarkan pelaburan mana-mana bon korporat, termasuk bon korporat tanpa penarafan, seperti yang dibenarkan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan Garispanduan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Kemuka dan Lancar Suruhanjaya Sekuriti.

## **C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN**

### **i) Ekuiti**

Strategi pelaburan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset ekuiti yang aktif dan mampu memberi pulangan kompetitif dalam keadaan pasaran saham yang dibelenggu dengan ketidakpastian. Pengagihan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif tabung tercapai.

Secara keseluruhannya, purata pengagihan aset adalah lebih kepada ekuiti sepanjang tahun pada julat 81%-86% bagi memastikan pulangan kekal kompetitif berbanding penanda aras. Selari dengan itu, pengurus ASN telah mengambil langkah untuk membuat pelaburan secara berterusan tetapi selektif di dalam ekuiti. Ini bagi memastikan perumpukan aset di dalam ekuiti kekal tinggi berbanding dengan sekuriti berpendapatan tetap dan tunai.

Pelaburan ASN telah ditumpukan pada kombinasi saham-saham yang memberi pulangan dividen yang stabil dan juga mempunyai asas fundamental kukuh dan prospek perniagaan yang cerah dalam usaha mengekalkan prestasi tabung dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang dipengaruhi ketidakpastian domestik dan global. Pada tahun kewangan ini, ASN telah menggunakan strategi gabungan antara nilai dan pertumbuhan bergantung pada situasi pasaran. Antara sektor yang ditumpukan adalah sektor kesihatan, pengangkutan, teknologi dan utiliti. Antara saham yang dilaburkan adalah Kossan Rubber Industries Berhad, AirAsia Berhad, Inari Amertron Berhad, MY E.G Services Berhad dan Tenaga Nasional

Berhad. Pelaburan di dalam sektor dan saham berkenaan adalah bertujuan untuk memastikan ASN mencapai pulangan yang lebih daripada apa yang dicatatkan oleh penanda aras tabung ini.

Di samping itu, pengurus ASN juga mencari peluang untuk mengaut keuntungan melalui jual beli saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar dan dijangkakan dapat memberi pulangan yang menarik dalam keadaan pasaran saham yang turun naik.

## **ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tahun kewangan 2016, ASN telah mengurangkan pelaburan dalam pasaran wang dan pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap untuk dilaburkan ke dalam pasaran ekuiti. Namun, ASN masih mengekalkan kedudukan pasaran wang yang secukupnya untuk menampung aliran keluar tabung sekiranya diperlukan. ASN juga masih mengekalkan sebahagian daripada pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit.

## **D. STRATEGI PELABURAN MASA HADAPAN**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, pengurusan ASN menjangkakan pasaran saham adalah sangat mencabar disebabkan oleh nilai Ringgit yang dijangka kekal rendah, tindakan United Kingdom untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit), ketidakpastian polisi perdagangan dan ekonomi Amerika Syarikat ekoran pemilihan presiden baru, serta kebimbangan pertumbuhan ekonomi Malaysia turut perlahan ekoran kelembapan pertumbuhan ekonomi China dan serantau. Oleh itu, strategi pelaburan ASN akan memberikan fokus yang lebih kepada ekuiti tetapi selektif, bagi memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

Pelaburan di dalam ekuiti akan dilakukan berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan juga ditumpukan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik dari penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Sektor-sektor tersebut termasuklah sektor pembinaan dan utiliti. Sektor pembinaan akan mendapat manfaat daripada projek infrastruktur di bawah RMK-11, manakala sektor utiliti, mempunyai prospek perniagaan yang stabil dan defensif. Pengurus ASN juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk mengaut keuntungan jual beli saham.

Di samping mempelbagaikan aset dalam portfolio, pengurus ASN akan terus meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap disebabkan pasaran ekuiti yang dijangka terus mencabar.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen - instrumen sekuriti hutang swasta jangka masa sederhana yang bermutu dalam berbagai sektor pilihan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASN. Manakala pelaburan pasaran wang, di samping memberi pulangan dalam portfolio, ia juga dapat menyediakan mudah tunai untuk kegunaan aktiviti harian. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

Pengurus ASN akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan tabung untuk memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang.

## **AMANAH SAHAM NASIONAL**

### **IV. PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-pemegang Unit

#### **AMANAH SAHAM NASIONAL**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2016, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 18 Januari 2017.

**TAN SRI ABDUL  
WAHID BIN OMAR**  
Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN  
BIN AHMAD**  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
18 Januari 2017

## **AMANAH SAHAM NASIONAL**

### **V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit  
**AMANAH SAHAM NASIONAL**

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) penilaian dan penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan perlucutan unit yang dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM NASIONAL sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM NASIONAL .

Yang benar,  
**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**  
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Januari 2017

## **VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL (“UNIT AMANAH”)**

### **Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM NASIONAL, yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2016, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 54.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### **Pendapat**

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen “Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan”. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### **Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika**

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### **Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

### **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

| Jumlah jurang sensitiviti faedah  | 78,374,236                         | 32,363,210                         | 107,613,435                         | 975,200,186           | 1,193,551,067 |                      |

## 16. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

### (d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit instrumen berpendapatan tetap dan jangkaan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran faedah dan/atau prinsipal tepat pada masanya yang boleh menjejaskan prestasi portfolio instrumen berpendapatan tetap.

Risiko kredit diuruskan dengan memastikan Unit Amanah melabur dalam instrumen berpendapatan tetap yang diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai asas yang kukuh dengan kepercayaan kredit yang baik dan sentiasa memantau keupayaan penerbit bagi memasuki pembayaran hutang dan perjanjian kewangan.

#### Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Unit Amanah terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

#### Kualiti kredit aset kewangan

Unit Amanah melabur dalam sekuriti hutang yang diberi penarafan kredit sekurang-kurangnya gred pelaburan oleh agensi penarafan kredit. Jadual berikut menganalisa portfolio sekuriti hutang Unit Amanah mengikut kategori penarafan :

| Penarafan Kredit | 2016                      |                             | 2015                      |                             |
|------------------|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|-----------------------------|
|                  | %<br>atas sekuriti hutang | %<br>atas nilai aset bersih | %<br>atas sekuriti hutang | %<br>atas nilai aset bersih |
| AAA              | 18.08                     | 0.81                        | 9.25                      | 0.83                        |
| AA1              | 66.63                     | 2.99                        | 34.21                     | 3.08                        |
| AA2              | 6.33                      | 0.28                        | 51.90                     | 4.68                        |
| AA3              | 8.96                      | 0.40                        | 4.64                      | 0.42                        |
|                  | 100.00                    | 4.48                        | 100.00                    | 9.01                        |

### (e) Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset yang tidak cair, prestasi Unit Amanah akan terjejas apabila ia perlu menjual aset pada harga yang kurang menguntungkan.

Risiko kecairan juga adalah apabila Unit Amanah menghadapi kesukaran dalam memenuhi perlucutan unit oleh pemegang unit.

**16. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)**

**(e) Risiko kecairan (samb.)**

Risiko kecairan boleh dikurangkan dengan menguruskan pegangan Unit Amanah dalam aset kurang cair melalui strategi perumpukan aset dan mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi perlucutan unit oleh pemegang unit.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan aset cair secara berhemah dan pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi dan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit dengan institusi kewangan dan lain-lain instrumen yang mampu ditukar menjadi wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Jadual berikut meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan. Baki tertunggak dalam tempoh enam bulan samaada dengan nilai yang dibawa kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

|                           | <b>Kurang dari<br/>1 bulan<br/>RM</b> | <b>1 bulan<br/>hingga<br/>1 tahun<br/>RM</b> | <b>Jumlah<br/>RM</b> |
|---------------------------|---------------------------------------|----------------------------------------------|----------------------|
| <b>Liabiliti kewangan</b> |                                       |                                              |                      |
| Lain-lain liabiliti       |                                       |                                              |                      |
| <b>2016</b>               | 108,836,191                           | 2,747,679                                    | 111,583,870          |
| <b>2015</b>               | 107,869,418                           | 3,020,954                                    | 110,890,372          |

Pengkelasan kematangan adalah berdasarkan baki tempoh dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontrak. Apabila pihak yang berurusan dengan Unit Amanah mempunyai pilihan untuk menentukan tarikh pembayaran, liabiliti tersebut hendaklah diperuntukkan untuk tempoh yang terawal dimana Unit Amanah diperlukan untuk membuat pembayaran liabiliti tersebut hendaklah diperuntukkan untuk tempoh yang terawal dimana Unit Amanah diperlukan untuk membuat pembayaran.

**(f) Risiko penumpuan**

Risiko perumpukan adalah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu besar dalam satu industri, satu lokasi geografi atau satu jenis sekuriti. Penumpuan yang berlebihan juga boleh mengakibatkan risiko kecairan atau risiko kerugian saham tertentu.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam pelbagai sektor atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan.

## **16. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL (SAMB.)**

### **(f) Risiko penumpuan (samb.)**

Ia juga boleh dikurangkan melalui pengawasan yang rapat kepada pelaburan yang mana pendedahannya adalah terlalu tertumpu.

## **17. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN**

### **Nilai saksama**

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

#### **(i) Tunai dan persamaan tunai, instrumen pasaran kewangan, jumlah terhutang daripada/ (kepada) broker saham, peruntukan pengagihan, dan pendapatan belum diterima**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

#### **(ii) Pelaburan disebut harga**

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

#### **(iii) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal**

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, dan sekuriti modal bercantum ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

#### **(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan**

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

## **18. TURUTAN NILAI SAKSAMA**

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1: Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2: Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat dipasaran sama ada secara langsung atau tidak langsung.

## 18. TURUTAN NILAI SAKSAMA (SAMB.)

Aras 3: Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di parasan.

### Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

| 2016                 | Aras 1      | Aras 2 | Aras 3 | Jumlah      |
|----------------------|-------------|--------|--------|-------------|
| Ekuiti disebut harga | 958,985,905 | -      | -      | 958,985,905 |
|                      | 958,985,905 | -      | -      | 958,985,905 |
| <b>2015</b>          |             |        |        |             |
| Ekuiti disebut harga | 977,714,241 | -      | -      | 977,714,241 |
|                      | 977,714,241 | -      | -      | 977,714,241 |

### Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)

| 2016                                       | Aras 1      | Aras 2      | Aras 3 | Jumlah      |
|--------------------------------------------|-------------|-------------|--------|-------------|
| Ekuiti disebut harga                       | 103,087,277 | -           | -      | 103,087,277 |
| Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan | -           | 55,344,620  | -      | 55,344,620  |
| Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum   | -           | -           | -      | -           |
|                                            | 103,087,277 | 55,344,620  | -      | 158,431,897 |
| <b>2015</b>                                |             |             |        |             |
| Ekuiti disebut harga                       | 84,182,077  | -           | -      | 84,182,077  |
| Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan | -           | 55,270,935  | -      | 55,270,935  |
| Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum   | -           | 52,342,500  | -      | 52,342,500  |
|                                            | 84,182,077  | 107,613,435 | -      | 191,795,512 |

## 19. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

## 20. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

## LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang dihormati,

AmanahRaya Trustee Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

### I. MAKLUMAT TABUNG

#### A. KATEGORI / JENIS TABUNG

| Nama Tabung             | Kategori | Jenis Tabung |
|-------------------------|----------|--------------|
| Amanah Saham Bumiputera | Ekuiti   | Pendapatan   |

#### B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada toleransi risiko yang minima.

#### C. PENANDA ARAS TABUNG

ASB menggunakan penanda aras Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan 3-bulan ("KLIBOR 3-bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

#### D, POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN TABUNG

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

#### E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2016, seramai 9,108,719 individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

| Saiz Pegangan          | Bilangan Pemegang Unit |               | Bilangan Unit Dilanggan |               |
|------------------------|------------------------|---------------|-------------------------|---------------|
|                        | Bilangan               | %             | Unit                    | %             |
| 5,000 dan ke bawah     | 6,661,343              | 73.13         | 3,580,521,299           | 2.48          |
| 5,001 hingga 10,000    | 545,701                | 5.99          | 2,885,989,995           | 2.00          |
| 10,001 hingga 50,000   | 1,087,514              | 11.94         | 22,925,925,443          | 15.89         |
| 50,001 hingga 500,000  | 794,280                | 8.72          | 99,422,252,829          | 68.91         |
| 500,001 hingga ke atas | 19,881                 | 0.22          | 15,468,082,649          | 10.72         |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>9,108,719</b>       | <b>100.00</b> | <b>144,282,772,215</b>  | <b>100.00</b> |

## II. PRESTASI TABUNG

### A. PERUMPUKAN ASET

- i. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Pada Nilai Pasaran Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

| Sektor                                                                  | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember (%) |               |               |
|-------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                                                         | 2016                                       | 2015          | 2014          |
| <b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>                                     |                                            |               |               |
| Barangan Industri                                                       | 2.68                                       | 3.13          | 2.92          |
| Barangan Pengguna                                                       | 3.39                                       | 4.94          | 5.32          |
| Hartanah & Pembangunan                                                  | 7.13                                       | 6.08          | 5.86          |
| Kewangan                                                                | 24.57                                      | 23.57         | 24.12         |
| Perkhidmatan/Perdagangan                                                | 32.24                                      | 31.50         | 31.07         |
| Perladangan                                                             | 1.36                                       | 2.16          | 1.67          |
| Sektor-sektor lain                                                      | 1.55                                       | 1.37          | 1.18          |
| <b>Jumlah</b>                                                           | <b>72.92</b>                               | <b>72.75</b>  | <b>72.14</b>  |
| <b>Pelaburan di Instrumen-Instrumen Lain Pasaran Modal:</b>             |                                            |               |               |
| i) Sekuriti Berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga | 2.74                                       | 2.17          | 1.20          |
| ii) Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum                            | 0.02                                       | -             | -             |
| iii) Pelaburan-pelaburan lain dan aset bersih                           | 24.32                                      | 25.08         | 26.66         |
| <b>JUMLAH</b>                                                           | <b>100.00</b>                              | <b>100.00</b> | <b>100.00</b> |

- ii. Senarai 20 Pelaburan Terbesar Pada Nilai Pasaran Berbanding Dengan Nilai Aset Bersih Tabung pada 31 Disember 2016

| Bil. | Syarikat                          | % Daripada Nilai Aset Bersih Tabung |
|------|-----------------------------------|-------------------------------------|
| 1.   | Malayan Banking Berhad            | 20.49                               |
| 2.   | Sime Darby Berhad                 | 15.35                               |
| 3.   | Axiata Group Berhad               | 3.46                                |
| 4.   | Maxis Berhad                      | 2.60                                |
| 5.   | Tenaga Nasional Berhad            | 2.49                                |
| 6.   | Telekom Malaysia Berhad           | 1.94                                |
| 7.   | Digi.Com Berhad                   | 1.83                                |
| 8.   | SP Setia Berhad                   | 1.77                                |
| 9.   | UMW Holdings Berhad               | 1.55                                |
| 10.  | I&P Group Berhad                  | 1.45                                |
| 11.  | Petronas Chemical Group Berhad    | 1.38                                |
| 12.  | CIMB Group Holdings Berhad        | 1.37                                |
| 13.  | Public Bank Berhad                | 1.09                                |
| 14.  | MMC Corporation Berhad            | 0.99                                |
| 15.  | MISC Berhad                       | 0.99                                |
| 16.  | IOI Corporation Berhad            | 0.95                                |
| 17.  | Petronas Dagangan Berhad          | 0.79                                |
| 18.  | Petronas Gas Berhad               | 0.78                                |
| 19.  | Malaysia Airports Holdings Berhad | 0.64                                |
| 20.  | RHB Bank Berhad                   | 0.63                                |

## B. PERBANDINGAN MAKLUMAT KEWANGAN BAGI TEMP OH TIGA (3) TAHUN

| Perbandingan Maklumat Kewangan                       | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember |           |           |
|------------------------------------------------------|----------------------------------------|-----------|-----------|
|                                                      | 2016                                   | 2015      | 2014      |
| Unit dalam Edaran (Juta)                             | 144,443                                | 142,543   | 137,373   |
| Kadar Pengagihan pendapatan<br>(sen seunit)          | 6.75                                   | 7.25      | 7.50      |
| Bonus <sup>1</sup> (sen seunit)                      | 0.50                                   | 0.50      | 1.00      |
| Jumlah Pengagihan<br>Pendapatan (RM Juta)            | 9,652.03                               | 10,255.14 | 9,983.99  |
| Bonus (RM Juta)                                      | 478.71                                 | 432.70    | 768.35    |
| Tarikh Pembayaran                                    | 1 Januari                              | 1 Januari | 1 Januari |
| Nisbah Perbelanjaan<br>Pengurusan (%) <sup>2</sup>   | 0.42                                   | 0.41      | 0.39      |
| Nisbah Pusing Ganti<br>Portfolio (kali) <sup>3</sup> | 0.16                                   | 0.12      | 0.14      |

### Nota:

1. Bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada) berdasarkan kepada purata baki minimum bulanan selama 10 tahun bermula Januari 2007 sehingga Disember 2016. Pemberian Bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016 adalah tidak ketara.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPGP pada 31 Disember 2016 adalah tidak ketara.

## C. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM 9,652.03 juta (2015: RM 10,255.14 juta) untuk pembayaran pengagihan pendapatan iaitu bersamaan dengan 6.75 sen seunit (2015: 7.25 sen seunit). Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

### Bonus

Pada tahun ini, PNB telah memperuntukkan sebanyak RM 478.71 juta (2015: RM 432.70 juta) bersamaan 0.50 sen seunit (2015: 0.50 sen seunit).

| Sumber Pendapatan                                       | Pada 31 Disember |           |           |
|---------------------------------------------------------|------------------|-----------|-----------|
|                                                         | 2016             | 2015      | 2014      |
| Dividen kasar dari saham disebut harga                  | 4,301.11         | 4,545.89  | 4,787.23  |
| Keuntungan bersih ternyata<br>daripada jumlah pelaburan | 4,410.66         | 3,671.25  | 4,191.86  |
| Pendapatan-pendapatan lain                              | 1,750.83         | 1,991.06  | 1,767.62  |
| Jumlah Pendapatan                                       | 10,462.60        | 10,208.20 | 10,746.71 |

## D. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

|                                         | Pada 31 Disember 2016 |         |         |
|-----------------------------------------|-----------------------|---------|---------|
|                                         | 1 tahun               | 3 tahun | 5 tahun |
| Jumlah Purata Pulangan (%) <sup>1</sup> | 6.75                  | 7.17    | 7.39    |
| Bonus (sen)                             | 0.50                  | 0.67    | 0.83    |
| KLIBOR 3-bulan (%) <sup>2</sup>         | 3.41                  | 3.70    | 3.53    |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota :

- (a) Pulangan 1 tahun =  $it$

Di mana,  $i$  = pengagihan pendapatan  $t$  = tahun semasa

$$(b) \text{ Pulangan 3 tahun} = [it + it-1 + it-2] / 3$$

$$(c) \text{ Pulangan 5 tahun} = [it + it-1 + it-2 + it-3 + it-4] / 5$$

- Penanda aras KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada purata kadar pada penghujung tahun kewangan tabung.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## E. PERBANDINGAN PRESTASI PULANGAN TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

|                                       | Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember |      |      |      |      |
|---------------------------------------|------------------------------------------|------|------|------|------|
|                                       | 2016                                     | 2015 | 2014 | 2013 | 2012 |
| Pengagihan Pendapatan(%) <sup>1</sup> | 6.75                                     | 7.25 | 7.50 | 7.70 | 7.75 |
| Bonus (sen) <sup>2</sup>              | 0.50                                     | 0.50 | 1.00 | 1.00 | 1.15 |
| KLIBOR 3-bulan (%) <sup>3</sup>       | 3.41                                     | 3.84 | 3.86 | 3.32 | 3.21 |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota:

- Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
- Bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada), berdasarkan purata baki minimum bulanan selama 10 tahun bermula Januari 2007 sehingga Disember 2016. Pemberian Bonus Tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak PNB.
- Penanda aras KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada purata kadar pada penghujung tahun kewangan tabung.

## **F. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG**

Tiada perubahan ketara sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

## **G. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT**

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## **H. KOMISYEN RINGAN**

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

## **III. LAPORAN PENGURUS**

---

### **A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG ASB**

ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

### **B. POLISI PELABURAN**

Polisi pelaburan ASB adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASB. Walaubagaimanapun, ASB boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung ASB juga telah dibenarkan untuk melabur di dalam pelaburan asing sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan matawang disamping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, seperti yang terkandung di dalam Prospektus Induk bertarikh 30 Jun 2016, polisi pelaburan ASB telah dipinda bagi membenarkan pelaburan mana-mana bon korporat, termasuk bon korporat tanpa penarafan, seperti yang dibenarkan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan Garispanduan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Kemuka dan Lancar Suruhanjaya Sekuriti.

## **C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN**

### **i) Ekuiti**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, strategi pelaburan ASB telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding dengan sekuriti berpendapatan tetap untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASB dalam ekuiti telah ditumpukan kepada kombinasi sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai asas fundamental kukuh dan prospek perniagaan yang cerah dalam usaha memastikan prestasi ASB kekal kompetitif. Antara sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor kewangan, perladangan serta utiliti. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi dan konsisten seperti sektor telekomunikasi, kepenggunaan dan Dana Pelaburan Hartanah (REIT). Di samping itu, pengurus ASB juga mencari peluang untuk mengaut keuntungan melalui aktiviti jual beli saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar dan dijangkakan dapat memberi pulangan yang berpadanan dalam keadaan pasaran ekuiti yang turun naik. Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASB mencapai pulangan yang lebih daripada penanda aras yang ditetapkan.

### **ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tahun kewangan 2016, ASB telah mengurangkan pelaburan dalam pasaran wang dan dilaburkan ke dalam pasaran ekuiti ekoran jangkaan pulangan yang lebih tinggi. Namun, ASB masih mengekalkan kedudukan pasaran wang yang secukupnya untuk menampung aliran keluar tabung sekiranya diperlukan. ASB turut melabur dalam sekuriti berpendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit.

## **D. STRATEGI PELABURAN MASA HADAPAN**

Bagi tempoh tahun kewangan berikutnya, pengurusan ASB menjangkakan pasaran saham yang mencabar disebabkan oleh nilai Ringgit yang dijangka kekal rendah, ketidakpastian polisi perdagangan dan ekonomi Amerika Syarikat ekoran pemilihan presiden baru, serta kebimbangan pertumbuhan ekonomi Malaysia turut perlahan ekoran kelembapan pertumbuhan ekonomi China

dan serantau. Oleh itu, strategi pelaburan akan dilaksanakan dengan perumpukan aset yang aktif dan ditumpukan lebih kepada aset ekuiti bersamaan dengan penanda aras agar pulangan kekal kompetitif.

Pelaburan ASB dalam ekuiti akan ditumpukan kepada saham-saham syarikat yang mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa. Untuk mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan dan pulangan dividen yang tinggi, pengurusan ASB akan turut memberi fokus kepada saham-saham yang mempunyai prospek dividen yang tinggi, yang diniagakan dibawah harga wajar. Di samping itu, pengurusan ASB akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan.

Pengurus ASB akan terus memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik dari penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Sektor-sektor tersebut termasuklah sektor utiliti, pembinaan dan hartanah. Sektor utiliti mempunyai prospek perniagaan yang stabil dan defensif selaras dengan pertumbuhan KDNK negara, manakala sektor pembinaan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek pembinaan seperti Transit Aliran Massa Lembah Klang Kedua (KVMRT 2), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (SUKE) dan Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH). Sektor hartanah dijangka akan pulih pada awal tahun 2017 kesan daripada pemulihan permintaan pengguna serta kos pemilikan yang kompetitif. Pengurus ASB juga akan terus mencari peluang untuk menjual beli saham-saham yang dijangkakan dapat memberi keuntungan jangka pendek mengikut keadaan pasaran saham.

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, ASB akan turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang dibuat dengan pemilihan instrumen - instrumen yang bermutu dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASB.

Pengurus ASB sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan Tabung untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

## **AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA**

### **IV. PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-pemegang Unit

#### **AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2016, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAHAH SAHAM BUMIPUTERA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 18 Januari 2017.

**TAN SRI ABDUL  
WAHID BIN OMAR**  
Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN  
BIN AHMAD**  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
18 Januari 2017

## **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

### **V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit  
**AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM BUMIPUTERA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) penilaian dan penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA.

Yang Benar,  
**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**  
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Januari 2017

### VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“UNIT AMANAH”)

#### Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“Unit Amanah”), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2016, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 71 hingga 85.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

#### Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen “Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan”. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

#### Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

#### Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

### **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

### **Lain-lain perkara**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad  
AF: 0002  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
18 Januari 2017

Muhammad Syarizal bin  
Abdul Rahim  
No. 3157/01/17(J)  
Akauntan Bertauliah

## AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

### VII. PENYATA KEWANGAN

#### A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

|                                                  | Nota | 2016<br>RM            | 2015<br>RM            |
|--------------------------------------------------|------|-----------------------|-----------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                                |      |                       |                       |
| Faedah dan lain-lain pendapatan                  |      | 1,750,832,733         | 1,991,063,167         |
| Pendapatan dividen                               |      | 4,301,114,301         | 4,545,890,344         |
| Keuntungan ternyata daripada<br>jualan pelaburan |      | <u>4,410,656,393</u>  | <u>3,671,252,071</u>  |
|                                                  |      | <u>10,462,603,427</u> | <u>10,208,205,582</u> |
| <b>PERBELANJAAN</b>                              |      |                       |                       |
| Yuran pengurus                                   | 5    | 533,110,036           | 532,677,475           |
| Yuran pemegang amanah                            | 6    | 500,000               | 500,000               |
| Ganjaran juruaudit                               |      | 25,000                | 25,000                |
| Yuran ejen cukai                                 |      | 3,500                 | 3,500                 |
| Perbelanjaan pentadbiran                         |      | 102,736,252           | 86,081,702            |
| Rosot nilai dalam pelaburan                      |      | -                     | 475,113,695           |
|                                                  |      | <u>636,374,788</u>    | <u>1,094,401,372</u>  |
| <b>PENDAPATAN BERSIH<br/>SEBELUM CUKAI</b>       |      |                       |                       |
|                                                  |      | 9,826,228,639         | 9,113,804,210         |
| <b>CUKAI</b>                                     | 7    | -                     | -                     |
| <b>PENDAPATAN BERSIH<br/>SELEPAS CUKAI</b>       |      |                       |                       |
|                                                  |      | <u>9,826,228,639</u>  | <u>9,113,804,210</u>  |
| <b>Pengagihan pelaburan</b>                      |      |                       |                       |
|                                                  | 8    | <u>9,652,031,840</u>  | <u>10,255,139,610</u> |
| <b>Pengagihan kasar dan<br/>bersih seunit</b>    |      |                       |                       |
|                                                  |      | <u>6.75 sen</u>       | <u>7.25 sen</u>       |
| <b>Tarikh pengagihan</b>                         |      |                       |                       |
|                                                  |      | <u>1 Januari 2017</u> | <u>1 Januari 2016</u> |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

## AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

